

13/07/2000

Ambil iktibar daripada kemunduran Sudan

Kadir Dikoh

TIDAK bersatu padu, kerap bertelagah dan saling memberi tekanan antara satu puak dengan puak etnik lain menjadi halangan utama kepada Sudan untuk berkembang maju meskipun kaya dengan sumber asli.

Bayangkan, sebagai sebuah negara terbesar di tanah Afrika dengan jumlah penduduk 30 juta dan 80 peratus daripadanya beragama Islam, Sudan bagaikan 30 tahun terkebelakang dari segi pembangunan berbanding Malaysia.

"Kami benar-benar memerlukan bantuan asing, terutama kepakaran dari Malaysia. Setakat ini kami gembira dengan kehadiran Petronas yang banyak memberi sumbangan bukan saja dalam industri minyak malah kegiatan ekonomi sampingan," kata Menteri Tenaga dan Perlombongan Sudan, Dr Awad Ahmed Au El Jaz ketika ditemui di pejabatnya di Khartoum.

Hanya baru-baru ini diwujudkan unit perancangan ekonomi dalam kerajaan Sudan, sedangkan ia sudah mencapai kemerdekaan cuma setahun lebih awal dari Malaysia iaitu pada 1956.

Kehidupan rakyatnya miskin. Keadaan persekitaran agak kotor dan prasarana tidak teratur. Sejak kebelakangan ini kegiatan ekonominya kelihatan mula berkembang setelah Sudan mula mengeksport minyak yang Petronas turut terbabit membangunkan industri itu. Sekatan ekonomi oleh Amerika Syarikat sejak 1997, turut memberi kesan.

"Malaysia jauh lebih maju, selesa, aman, pembangunan pesat dan segala-galanya ada. Hanya rakyat yang tidak tahu erti bersyukur, tidak menghargai pembangunan Malaysia." Itu adalah antara rumusan hampir semua rakyat Malaysia yang bekerja di Khartoum.

Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri adalah lebih baik hujan batu. Mereka ini sedar betapa rumitnya kehidupan di Sudan. Daripada sewa rumah yang terlalu mahal, apatah lagi barangan yang harganya melambung, sektor pengangkutan pula tidak boleh dipercayai sehingga Sudan Air - syarikat penerbangan negara itu, digelar SD atau `sure delayed' (pasti terlewat).

"Jika anda meminta khidmat tertentu seperti menghantar barangan, orang Sudan akan meminta bayaran penuh terlebih dahulu. Itu tak apa, tetapi bila nak hantar barangan itu, janjinya begitu manis bagaikan mahu menghantar pada masa itu juga. Namun, barangan itu akan sampai dua tiga hari kemudian. Itu pun setelah diberi peringatan beberapa kali," kata seorang pekerja Malaysia di Khartoum.

Bayangkan untuk mendapatkan permit kad akhbar sebagai perakuan bagi seorang wartawan melawat Sudan atas tugas tertentu, dikenakan bayaran sehingga 10,000 dinar (RM140). Di negara kita, pas atau permit seperti ini diberi percuma oleh Jabatan Penerangan, termasuk untuk wartawan asing.

"Kalau nak naik teksi, kena berbalah terlebih dahulu pasal tambangnya. Jika tidak, semasa anda diturunkan ke destinasi, pemandu teksi akan meminta bayaran yang tidak masuk akal apatah lagi jika anda rakyat asing," pesan seorang rakan.

Mungkin agak keterlaluan membandingkan Sudan dengan Malaysia, sebuah negara membangun yang memang dihormati oleh negara-negara Arab tetapi itulah hakikatnya. Kemunduran Sudan sedikit sebanyak kerana rakyatnya sendiri yang tidak bersatu dan kerap berperang sesama sendiri serta minda mereka yang begitu lambat menerima perubahan.

Tidak hairanlah apabila nama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menjadi sebutan di kalangan rakyat Sudan yang terpelajar, golongan yang dianggap berfikiran terbuka serta menyedari kelemahan

masyarakat mereka.

"Salah satu masalah besar kami di sini ialah kerap bertukar kerajaan. Rakyat kami tidak bersatu, bertelagah di antara puak etnik. Bayangkan Sudan mempunyai kira-kira 500 etnik. Sesama Islam pun berlaku pergeseran," kata Osman Ali Abakar, timbalan pengarah jabatan kewartawanan asing di Kementerian Penerangan bagi Hal Ehwal Luar di Khartoum.

Rakyat Malaysia boleh mengambil ikhtibar daripada pengalaman Sudan itu. Di tanah Malaysia, kita bergembira, makanan cukup dan tiada kebuluran dengan segala pembangunan disediakan. Kita patut bersyukur.

"Apakah anda sudah fikir habis mahu tinggal lebih lama di sini (Sudan)? Ini Sudan, serba-serbi kurang. Banyak perkara berlaku di luar dugaan seperti jadual penerbangan yang kerap terlewat," usik Sabri Said, pegawai khas di pejabat Presiden Petronas sebaik mereka berlepas balik ke Kuala Lumpur petang Isnin lalu.

Saya termenung seketika mendengar usikannya itu tetapi dalam hati kecil saya, inilah peluang terbaik bagi saya menyelami hati nurani rakyat Sudan terutama masyarakat Islam.

Melalui hubungan diplomatik di Khartoum, saya sedang mencuba untuk menemu ramah Presiden Sudan, Lt Jen Omar Hasan Ahmad Al-Bashir. Banyak pengalamannya boleh dikongsi bersama kerana beliau juga pernah menuntut di Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) di Haigate, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

Al-Bashir adalah seorang tokoh tentera dari negara asing yang pernah mendapat didikan MTAT pada 1983 ketika beliau mengikuti kursus di maktab itu dengan pangkat mejar.

Al-Bashir merampas kuasa pada 1989 dan kini berusaha untuk menamatkan perang saudara 16 tahun di Sudan. Pembangkang utama di Sudan adalah Tentera Pembebasan Rakyat Sudan (SPLA) dan sekutunya, Pakatan Demokratik Kebangsaan yang beribu pejabat di Eritrea.

SPLA yang diketuai John Garang mendapat sokongan penduduk Kristian dan masyarakat suku lain di Selatan Sudan, menuntut autonomi daripada kerajaan Islam di utara Sudan.

(END)